

0465

U B104 AAB
MAHATHIR - BANK

LABUAN, 14 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN INSTITUSI ATAU BANK +YANG MEMPUNYAI NIAT MERAGUKAN+, BEROPERASI DI LABUAN. BERUCAP MERASHIKAN PEMBUKAAN DUA ANAK SYARIKAT PUBLIC BANK BHD -- PUBLIC BANK (L) LTD DAN PB PUBLIC TRUST CO SDN BHD -- DI SINI HARI INI, BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK MAHU ANASIR-ANASIR YANG TIDAK BAIK MENGAMBIL PELUANG DARIPADA KEDUDUKAN LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA (IOFC).

KATANYA KERAJAAN TELAH BANYAK MENGELUARKAN BIAYA DAN MEMBERI PELBAGAI KEMUDAHAN, KELONGGARAN BERTA INSENTIF UNTUK MENJADIKAN LABUAN MENARIK KEPADA PELABUR ASING.

+ENAM UNDANG-UNDANG TERPAKSA DIPINDA UNTUK MENJADIKAN LABUAN SEBAGAI IOFC DAN KERAJAAN BERSEDIA MEMBERIKAN INSENTIF YANG MENARIK TERHASUK KELONGGARAN PERCUKAIAN.

+UNTUK MENJANIN SUPAYA ANASIR-ANASIR TIDAK DIINGINI TIDAK MASUK KE HARI, KERAJAAN AKAN MENGADAKAN PENGAWASAN YANG KETAT DAN TELITI SEBELUM MELULUSKAN INSTITUSI LUAR BEROPERASI DI SINI,+ KATANYA. --
LAGI

1634MST 14 10 90

U B105 AAB
MAHATHIR - BANK 2 LABUAN

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYAMBUT BAIK KEPUTUSAN PUBLIC BANK UNTUK MELUASKAN KEGIATANNYA DI LABUAN. BELIAU BERHARAP SEBAGAI +PENDATANG AWAL+ SELEPAS BANK BUMIPUTRA, PUBLIC BANK AKAN BERJAYA DALAM USAHANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA SELAIN DARIPADA MENJADIKAN LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN YANG MODEN, KERAJAAN JUGA BERCADANG MENGGALAKKAN KEMAJUAN SEKTOR PELANCONGAN DI SINI.

PENGERUSI PUBLIC BANK, TAN SRI THONG YAW HONG, BERKATA PENUBUHAN KEDUA-DUA ANAK SYARIKAT ITU DI LABUAN MEMBUKTIKAN KEYAKINANNYA PADA MASA DEPAN PULAU ITU SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR YANG UTAMA DI RANTAU ASIA PASIFIK.

YANG TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, KETUA SETIAUSAHA NEGERA TAN SRI AHMAD BARJI ABDUL HAMID, GABENOR BANK NEGARA TAN SRI JAFFAR HUSSEIN, KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN TAN SRI ZAIN AZRAAI ZAINAL ABIDIN DAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT SERTA PARA PENIAGA TERKEMUKA TEMPATAN.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI JUGA TELAH MELAWAT KEDAI BEBAS CUKAI PERNAS-SIME DARBY DAN BEBERAPA PEJABAT KERAJAAN. -- BERNAMA
1636MST 14 10 90